



UITM HARI INI DALAM SEJARAH

13 DISEMBER 2011

PELANTIKAN CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KE-4

Pada 13 Disember 2011, Almarhum Sultan Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah telah dilantik sebagai Canselor UiTM yang ke-4. Pengisytiharan Baginda sebagai Canselor UiTM telah diadakan pada Istiadat Pemasyuhuran Canselor UiTM pada 12 Mei 2012. Baginda dengan rasminya telah memegang amanah memerintah negara buat kali kedua sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-14 selepas Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. Baginda telah dilantik menaiki takhta Kerajaan Negeri Kedah pada 14 Julai 1958 berikutan kemangkatan ayahanda Baginda Almarhum Sultan Badlishah. Baginda Tuanku telah ditabalkan dengan rasminya sebagai Sultan Kedah Darul Aman pada 20 Februari 1959.



Almarhum Sultan Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Canselor UiTM yang ke-4

Sumber:

- Buku Majlis Pemasyuhuran Canselor UiTM